

Tauliah guru prasekolah kini diutamakan

» *AeU tawar program diploma bagi tampung keperluan pendidikan*

Oleh Haryani Ngah
bhnews@bh.com.my

Timbangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 30 Oktober 2012 menyatakan bahawa, hanya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan guru prasekolah swasta adalah guru yang bertauliah, manakala 97 peratus lagi belum memiliki sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Angka yang ditunjukkan sememangnya membimbangkan apatah lagi berdasarkan NKRA Pendidikan pada 2012, terdapat pertambahan 200,000 pelajar prasekolah dan jumlah itu dijangka akan terus meningkat pada tahun berikutnya.

Kesedaran meningkat

Kesedaran ibu bapa dalam memastikan anak mereka menghadiri prasekolah juga semakin meningkat dan ada antaranya mula ditempatkan di prasekolah seawal umur empat tahun.

Berikutan kecenderungan ibu bapa menghantar anak ke prasekolah juga menyaksikan banyak sekolah tadika yang dibuka dan di bandar besar seperti Kuala Lumpur sebagai contoh memiliki lebih 149 TASKA yang berdaftar (sehingga Januari 2013).

Jumlah itu tidak termasuk TASKA moden seperti Islamic Montessori yang tumbuh dengan pesatnya atas keperluan semasa bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang sanggup berbelanja lebih bagi memastikan anak mereka mendapat pendidikan sewajarnya.

Secara dasarnya, kos menghantar seorang anak ke prasekolah di bandar adalah antara RM200 hingga RM800 sebulan bergantung kepada jenis prasekolah dan kawasan penempatan.

Ini tidak termasuk caj kelas tambahan seperti kelas bahasa ketiga dan kemahiran khusus yang diadakan selepas waktu kelas biasa.

Keperluan guru TASKA

Dengan berlakunya pertambahan TASKA, keperluan terhadap tenaga pengajar juga turut meningkat dan ia datang dengan permintaan ibu bapa yang semakin cerewet. Sebagaimana mereka sanggup berbelanja, mereka juga mahu memastikan tenaga pengajar daripada mereka yang mempunyai kelayakan atau bertauliah.

Sehubungan itu, Asia e University (AeU) menyediakan program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Graduate Diploma in Early Childhood Education (GDipeCE)).

Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) AeU, Prof Dr John Arul Phillips, berkata program yang ditawarkan itu diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Ramai ibu bapa mahukan guru tadika yang mengajar anak mereka memiliki kelayakan dan ini dilema dihadapi pengusaha tadika.

"Kebanyakan guru tadika sekadar mengikuti program jangka pendek sedangkan peranan dimainkan guru sangat besar dan mereka memerlukan sekurang-kurangnya diploma untuk menjadi tenaga pengajar.

"Peranan yang dimainkan guru prasekolah besar kerana kanak-kanak pada usia ini bergantung kepada mereka dan apa saja yang diajar akan diserap ke dalam diri mereka.

Perlu kelayakan sesuai

"Sehubungan itu mereka memerlukan latihan dan kelayakan yang betul dalam mendidik kanak-kanak," katanya.

Dengan berbekalkan Sijil Pelajaran Malaysia, program GDipeCE ditawarkan kepada guru tadika yang bekerja dan ia mengambil masa dua tahun dan hanya datang ke kelas sekali sebulan saja.

Sepanjang pengajian GDipeCE, pelajar akan diberi pendedahan kepada 18 subjek dipilih khas bersesuaian keperluan pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah.



Kanak-kanak seawal usia empat tahun kini sudah dihantar mengikuti prasekolah justeru, **tenaga pengajar mestilah daripada kalangan mereka yang mempunyai kelayakan atau bertauliah.**

[GAMBAR HIASAN]